

INTERPRETASI RESEPSI SASTERA MENERUSI

LIRIK LAGU *TOLONG INGATKAN AKU*

MOHD FARADI MOHAMED GHAZALI*

NORDIANA AB. JABAR **

faradighazali@unisza.edu.my*, nordiana.aj@umk.edu.my**

Abstrak

Lirik lagu merupakan salah satu manifestasi sastera yang mencerminkan ketinggian nilai budaya masyarakat pendukungnya. Lirik dan irama lagu semestinya nusa yang berpisah tiada dan menjadi hiburan dalam kehidupan manusia. Menerusi lirik lagu ia bukan hanya sekadar mengulit halwa telinga dan memberi hiburan semata-mata, malah dalam seni kata lagu juga terkandung dengan nilai, moral dan pengajaran yang mampu memberi didikan dalam membentuk keperibadian seseorang. Kepelbagaiannya genre dan bait lagu yang berhasil menunjukkan variasi kebudayaan daripada pengkarya yang menunjukkan kredibiliti keunggulan dalam sesuatu penciptaan karya. Kajian ini dilaksanakan sebagai merungkai persoalan tentang peranan lirik lagu terpilih dalam mengembangkan unsur positif terhadap masyarakat pendengar. Selain itu, kajian ini juga meneliti bait-bait lirik lagu *Tolong Ingatkan Aku*, yang dihasilkan dan dinyanyikan oleh Ana Raffali sehingga diangkat mempunyai nilai komersial kerana telah dijulang sebagai juara lagu dalam Anugerah Juara Lagu Ke-25. Kaedah kajian ini dijalankan secara kualitatif atau kepustakaan melalui penelitian bahan seperti artikel, buku, majalah dan tesis. Teori resepsi dijadikan sebagai sandaran untuk meneliti dan merungkai setiap bait lirik lagu ini yang merangkumi aspek gaya bahasa, teknik penulisan, unsur kesamaran, bauran kiasan dan perlambangan atau semiotik bagi membuktikan falsafah gaya penyampaian pengkarya. Hasil kajian mendapati lagu *Tolong Ingatkan Aku* merupakan sebuah karya berbentuk lagu puisi yang berhasil dalam penyampaian implisit sebagai memberi pesanan, sindiran halus dan nasihat terhadap kehidupan manusia agar tidak alpa takkala berada di kemuncak kegemilangan.

Kata Kunci: Anugerah Juara Lagu 25, Juara Lagu, Lirik Lagu, *Tolong Ingatkan Aku*, Teori Resepsi

Dihantar: 12 April 2020

Disemak: 20 Jun 2020

Diterbit: 31 September 2020

* Pensyarah di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin Malaysia & Calon Doktor Falsafah di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan

** Pensyarah Kanan, di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan,



INTERPRETATION OF LITERARY RECEPTION THROUGH LYRICS

TOLONG INGATKAN AKU

MOHD FARADI BIN MOHAMED GHAZALI*

NORDIANA AB. JABAR**

faradighazali@unisza.edu.my*, nordiana.aj@umk.edu.my**

Abstract

The lyrics of the song are one of the literary manifestations that reflect the high cultural values of its supporters. The lyrics and the rhythm of the song should not be separated tomb and become an entertainment in human life. Through the lyrics of the song it is not just about listening to the ears and providing entertainment, but also in the art of the word, the song also contains the values, morals and teachings that can provide education in shaping one's personality. The variety of genres and bytes of the resulting song reflects the cultural variation of the work that exemplifies the mastery of excellence in the creation of a work. This study was conducted to address the question of the role of selected song lyrics in shaping positive elements in the listening community. In addition, this study also examines the lyrics of the song Tolong Ingatkan Aku, which was produced and sung by Ana Raffali until it was commercially recognized for being nominated for a song of the year in the 25th Anugerah Juara Lagu. This research method is conducted qualitatively or literature review through the study of materials such as articles, books, magazines and theses. The reception theory was used as a guideline to examine and interpret every verse of the lyrics of this song, which included aspects of language style, writing techniques, ambiguity, metaphorical and symbolic or semiotic elements to prove the artist's delivery style philosophy. The result of the study found the song Tolong Ingatkan Aku is a work of poetic form that results in implicit delivery as giving orders, delicate satire and advice to human life to avoid the harp while at its peak.

Keywords: 25th Anugerah Juara Lagu, Tolong Ingatkan Aku, Theory of Reception, Song
Lyrics, Singing Championship

Submitted: 12 April 2020

Revised: 20 June 2020

Published: 31 September 2020

* Lecturer at Faculty of Language and Communications Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia & PhD candidate at Faculty of Creative Technology and Heritage, University Malaysia Kelanta.

** Senior Lecturer at Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan



1.0 Pengenalan

Kesusasteraan merujuk kepada hasil seni yang disampaikan melalui bahasa. Dari sudut persepsi lain kesusasteraan merupakan susunan aksara indah yang baik isinya, erti kata yang lebih luas dan disampaikan dalam lantunan yang indah-indah sama ada bertulis atau melalui sebutan. Menurut Sahlan Mohd. Saman (2005), kesusasteraan pada lahiriahnya wujud dalam masyarakat manusia melalui bentuk tulisan dan lisan yang menghidangkan teks dengan susunan ayat menerusi kata-kata indah, memperkatakan kepelbagaiannya aspek kehidupan masyarakat yang melahirkannya. Dalam kehidupan sehari-harian, kedua-dua bentuk kesusasteraan sememangnya tidak terpisah daripada manusia. Misalnya, masyarakat akan mendengar muzik yang mengandungi lirik lagu dan menggunakan pelbagai peribahasa atau pepatah dalam kehidupan dianggap sebagai satu nilai kesusasteraan.

Perkembangan sastera sebenarnya tidak pernah luput dari arus pembangunan zaman, malah sering diperbaharui mengikut masa dan aliran. Jika dahulu, sastera merupakan elemen utama penyampaian maksud dan percakapan dalam kelompok masyarakat seperti pantun dan teka-teki. Namun kini, sastera tidak lagi dijadikan sebagai medium dalam perbualan mahupun wadah percakapan harian seperti dahulu kala, tetapi ia telah diubah mengikut trend yang bersesuaian pada zaman kini agar tahap penerimaan khayalak tidak terhapus dalam bidang sastera.

Lirik dan lagu umpsama satu kesatuan yang sukar dipisahkan. Melalui lirik lagu, dapat dilihat dua elemen yang boleh bersatu secara harmonis dan indah. Elemen itu adalah muzik dan bahasa. Lirik berdiri di tengah-tengah elemen besar ini bagi menghasilkan makna dan mesej yang tersendiri. Lirik ialah pelengkap lagu. Melodi tanpa bahasa, ibarat sesuatu yang terapung kerana lirik memberikan mesej dan cerita yang menghadirkan kefahaman kepada pendengar. Lirik mungkin bersifat sampingan kepada sesetengah pendengar. Mereka mungkin hanya mahukan muzik dan menjadikan lagu sebagai wadah hiburan dan halwa telinga, dan tidak tertarik berkenalan lebih jauh dengan kandungan lirik yang disampaikan (Ahmad Fedri Yahya, 2009: 369).

Amirul Nur Wahid dan Kundharu Saddhono (2017) menyatakan lirik lagu merupakan salah satu karya sastera, dan menyimpulkan ia mengandungi ajaran moral. Lirik lagu yang mengandungi ajaran moral dapat dibahagikan mengikut jenis-jenis yang tersendiri sehingga isi kandungannya mampu dicerna dalam penerapan kehidupan manusia. Hal ini kerana setiap lirik lagu itu adakah punyai unsur nasihat dan elemen tersendiri dalam penyampaiannya. Begitu juga lagu tidak harus dilihat sebagai hiburan semata-mata, sebaliknya banyak manfaat yang boleh diambil daripada alunan yang dipersembahkan. Salah satu daripadanya adalah melalui aspek lirik. Matlamat menghasilkan lagu pada kebiasaanya adalah menyampaikan pesanan sosial dan kerohanian dengan menggunakan kekuatan bahasa sebagai senjata.

Lirik berkembang mengikut zaman. Persoalan yang dibawakan dalam sesebuah lagu itu ada kaitan dengan zaman berkenaan di samping sebagai luahan hati seseorang pencipta yang mungkin dirujuk kepada pengalaman hidup. Lirik adalah episod pengalaman, kehidupan dan peringatan. Penulisan yang baik harus mempunyai nilai-nilai murni agar masyarakat dapat meraih sesuatu, baik dari sudut budaya mahupun bahasa. Mendasari konsep pemahaman mengenai lirik lagu, objektif kajian ini akan meneliti tentang keunggulan lirik lagu Tolong Ingatkan Aku nyanyian Ana Raffali yang diangkat sebagai juara lagu dalam Anugerah Juara Lagu Ke-25 dengan mengaplikasikan teori resepsi sebagai landasan kajian. Kajian ini menumpukan terhadap apa yang diajukan dalam karya,



bagaimana ia diperagakan dan mengapa ia diangkat pengarang

2.0 Tinjauan Kesusasteraan

Berdasarkan tinjauan sorotan literatur yang dibuat, hanya kajian mengenai lirik lagu sahaja diteliti sebagai kajian lepas. Rata-rata kajian lalu memperihalkan lirik lagu dari sudut corak, tema dan gaya bahasa sahaja. Namun, aspek perbincangan mengenai penerapan teori resepsi menerusi lirik lagu masih belum banyak dilakukan. Mohd Faradi dan Hamdan Rahman (2017) telah menjalankan kajian terhadap himpunan lirik lagu tulisan dan nyanyian oleh Biduanita Sharifah Aini dari konteks penerapan rasa fenomenologi. Kajian ini menjadikan teori daripada gagasan Sohaimi Abd. Aziz sebagai landasan penerokaan dengan menemui beberapa elemen rasa seperti rasa ghairah, rasa duka, rasa benci, rasa wira, rasa berahi dan rasa kagum dalam lirik hasil tulisan daripada Sharifah Aini mengikut dekad-dekad penglibatan beliau dalam kerjaya nyanyian. Hasil kajian menunjukkan, segala eleman rasa yang diterapkan dalam penghasilan lirik lagu tersebut bertitik tolak dari rangsangan pengalaman dan kisah kehidupan beliau. Bagi artikel bertajuk Ajaran Moral Dalam Lirik Lagu Dolanan Anak tulisan Amirul Nur Wahid & Kundharu Saddhono (2017), pula memperihalkan tentang pengaruh lirik lagu Dolanan Anak sebagai memperagakan ajaran moral dalam penyampaiannya. Lagu Dolanan Anak merupakan salah satu bentuk lagu Jawa yang digunakan anak-anak dari suku Jawa untuk bermain. Hasil kajian menemukan empat jenis ajaran moral yang terdapat dalam lagu tersebut iaitu hubungan manusia dengan tuhan, hubungan manusia sesama manusia, hubungan manusia dengan diri sendiri dan hubungan manusia dengan alam.

Seterusnya Rio Rinaldi, Andria Catri Tamsin & Zulfadhli Zulfadhli (2012), menjalankan kajian gaya bahasa melalui lirik lagu Band Betrayer Album The Best Of. Kajian tersebut dilakukan bertujuan untuk mengesan, menerang dan menggambarkan fungsi pelbagai gaya bahasa yang terkandung dalam beberapa lirik lagu menerusi album terpilih. Hasil kajian mendapati beberapa gaya bahasa seperti personifikasi, hiperbola, ironi dan anafora diterapkan dalam menyampaikan lagu tersebut yang bertujuan untuk memberi penegasan, menggambarkan nilai estetik dan memudahkan penyampaian kepada khalayak pendengar. Kajian lirik lagu seterusnya ditanggani oleh Gunawan Wiradharma & Afdol Tharik WS (2016). Dua pengkaji ini telah melakukan kajian ke atas beberapa lirik lagu bergenre dangdut dengan menggunakan elemen metafora dalam mengungkapkan realiti sosial yang berlaku dalam persekitaran masyarakat. Analisis dijalankan dengan menggunakan makna Metafora (Knowles dan Moon, 2006) dan teori Metafora Konseptual (Lakoff dan Johnson, 1980) serta Semantik Kognitif (Evans dan Green, 2006) yang digunakan untuk mengungkapkan makna metafora dalam lirik lagu dangdut. Hasil penemuan tersebut mendapati pengungkapan angka, kata dan frasa metafora yang terjadi kerana adanya persamaan konsep, sifat, bentuk dan fungsi yang dialihkan makna secara konkret. Di samping itu, realiti sosial yang diungkapkan dalam lirik lagu dangdut meliputi perilaku seseorang, imaginasi pornografi serta ungkapan perilaku positif dan negatif.

Penelitian jenis dan fungsi gaya bahasa kiasan dalam lirik lagu telah dijalankan oleh Anastasia Tita Pratiwi (2018). Tujuan kajian ini adalah untuk menjelaskan jenis gaya bahasa dan fungsi kiasan yang terdapat dalam lirik lagu ciptaan Naif dan Payung Teduh. Berdasarkan kajian tersebut, didapati elemen gaya bahasa kiasan seperti ironi, simile, personifikasi dan metafora yang dizahirkan dalam penghasilan lagu tersebut adalah bertujuan untuk memberi kesan keindahan, menyamarkan sesuatu makna ekplisit, bersifat membujuk, peringatan dan sebagai



tabu bahasa dengan tujuan menyindir. Hasby Ash-shidiqy (2016) menganalisa pemahaman citra perempuan dalam kompilasi lagu dangdut dengan bersandarkan pendekatan teori feminism. Kajian ini menyelongkar imej perempuan yang digambarkan dalam lagu-lagu dangdut dan persepsi golongan patriaki terhadap citra wanita dalam melatari imej musik dangdut. Hasil kajian tersebut menyatakan beberapa elemen citra wanita iaitu, sebagai isteri yang menderita, gadis yang menjelekan dan wanita idaman. Selain itu, imej wanita berkerjaya dalam budaya turut dilihat dari sudut pandangan golongan lelaki sebagai penghibur. Konflik Emosi dalam Lirik Lagu ‘Nipah oh Nipah’ yang dijalankan oleh Normaliza Abd Rahim, Siti Nur Aliaa Roslan dan Nur Maisarah Roslan (2017) telah menerokai tentang kajian lirik dengan memberi tumpuan konflik emosi melalui ujaran pelajar sekolah rendah di sekitar Selangor dengan meneliti lirik lagu ‘Nipah oh Nipah’ dari Siri Pekaka Bercerita, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Keputusan kajian mendapati bahawa subjek memberikan ujaran yang mengandungi konflik emosi melalui lirik lagu tersebut, di samping subjek dapat mengenal pasti emosi yang berlainan daripada setiap pokok nipah.

Analisis kata tabu dan klasifikasinya dalam lirik lagu Eminem pada Album The Marshal Mathers LP tulisan Laily Nur Affini (2017) telah menjalankan kajian berkenaan aspek tabu bahasa dalam lirik lagu terpilih dengan menggunakan Teori Tabu Bahasa dari Timothy Jay. Tujuh ciri-ciri tabu bahasa dari teori tersebut dirungkaikan iaitu, kutukan, kekufuran, kejahatan, luah, elemen gangguan seksual, panggilan nama dan penghinaan. Hasil analisis tersebut menunjukkan pengungkapan tabu bahasa melalui lirik lagu dalam album tersebut didominasikan dalam kategori tabu Name-calling dan Insult, meliputi umpatan dan caci maki yang disampaikan kepada lawan bicaranya agar yang mendengar perkataan tersebut dapat merasa terhina karena merendahkan diri dan mencemarkan nama baik seseorang.

Masilva Raynox Mael (2016) menjalankan kajian fonologi dan morfologi Bahasa Jepun terhadap lirik lagu Honjitsu Wa Seiten Nari. Kajian ini memberi tumpuan terhadap aspek kebahasaan seperti fonem, mora, sukuhan, perubahan bentuk verba dan kata kerja yg menghubungkan subjek dengan pelengkap. Hasil kajian membolehkan aspek pemahaman tatabahasa Jepun dari aspek fonologi dan morfologi secara mendasar, khususnya kepada pelajar dalam bidang bahasa tersebut. Teti Laila Adha (2017) pula menjalankan penyelidikan analisis stilistik terhadap lirik lagu. Kajian ini memberi penfokuskan kepada lirik lagi dari kumpulan Padi dari aspek gaya bahasa dan imej kiasan yang disampaikan. Berdasarkan hasil analisis ditemui terdapat beberapa gaya bahasa seperti epik, metonimi, sinekdoki, alegori dan epitet yang digunakan dalam lirik lagu tersebut, malah gaya pengimejan seperti imej visual, imej pendengaran, imej termal, imej rasa, dan imej pergerakan turut dititipkan dalam karya lirik lagu Padi.

3.0 Metodologi Kajian

Kajian untuk makalah ini menggunakan pendekatan kualitatif. Sumber premier dan sekunder dijadikan sebagai elemen untuk analisis kajian. Kaedah yang digunakan adalah melalui ~~serutan kesusasteraan dan analisis dokumen~~ dengan merujuk, menganalisis dan menyaring bahan bacaan seperti buku, tesis, artikel jurnal dan makalah. Kajian ini juga adalah bersifat tekstual dengan menganalisis lirik lagu Tolong Ingatkan Aku karya dan nyanyian oleh Ana Raffli secara kualitatif. Lirik lagu ini pernah dinobatkan sebagai juara lagu dalam Anugerah Juara Lagu ke-25



pada Januari 2011. Kajian textual ini akan menggunakan teori resepsi sebagai pengukuran penganalisisan. Penelitian setiap bait lirik lagu merangkumi aspek gaya bahasa, teknik penulisan, unsur kesamaran, bauran kiasan dan perlambangan atau semiotik. Elemen ini menjadi pemfokusan kajian bagi membuktikan falsafah gaya penyampaian pengkarya di samping mencerminkan lirik lagu Tolong Ingatkan Aku sebagai sebuah karya yang berada dalam kelas yang tersendiri.

4.0 Latar Belakang Teori Resepsi

Teori resepsi bermakna cara pembaca memberikan makna terhadap karya sastera yang dibaca sehingga dapat memberikan reaksi atau tanggapan terhadapnya. Tanggapan itu pula, boleh bersifat pasif dan juga aktif. Tanggapan yang pasif adalah tahap seseorang pembaca dapat memahami karya itu atau dapat melihat hakikat estetika yang ada di dalamnya. Sifat aktif pula bermaksud kaedah pembaca merealisasikan pembacaannya sehingga mampu menterjemah makna (A. Padmopuspito, 1993). Justeru itu, teori resepsi adalah proses pembacaan untuk mendapatkan makna dan lapangan pencarinya adalah luas dengan berbagai-bagai kemungkinan. Tuntasnya teori ini berhubungan dengan cara dan teknik membaca, meneliti dan reaksi pembacaan yang akhirnya menjadikan pembaca itu membentuk maknanya.

Teori resepsi memberi kuasa kepada pembaca yang mewakili masyarakat pembaca seperti pengkritik untuk memberi penilaian terhadap teks-teks sastera. Teori resepsi ini mengandungi banyak teori dan pendekatan atau kaedah. Pertamanya, pendekatan estetika resepsi yang dikemukakan oleh H.R. Jauss (1982) bahawa tanggapan pembaca itu bercorak historis dan berubah untuk setiap tempoh dan zaman. Kedua, teori penerimaan W. Iser (1979) menekankan kepada kesan pembacaan. W. Iser menekankan betapa pentingnya menganalisis reaksi pembaca terhadap teks, yang mungkin memberi pengalaman baru dan seterusnya menentukan kedudukan teks yang dibaca itu. Ketiga, teori fenomenologi yang dikemukakan oleh R. Ingarden (1975) dengan memikirkan segala aspek luaran teks, termasuk pengarang dan sejarahnya. Pembaca akan mencari makna berdasarkan fenomena teks. Prinsip lain teori ini ialah tanggapan pembaca terhadap makna teks akan berubah mengikut masa pembacaannya. Keempat pula ialah teori hermeneutik iaitu pembaca digerakkan mencari hakikat teks. Sebagai teori yang diterima sebagai sains penafsiran bagi mendapatkan pemahaman dengan menyusuri kata demi kata kata, ayat demi ayat dan akhirnya mencari maknanya, pembaca akan memperolehi hakikat teks tersebut. Teks dalam pengertian hermeneutik mempunyai makna lahiriah dan batiniah, pembaca diberi langkah-langkah untuk sampai kepada makna batiniah itu, apabila sudah berjaya barulah dianggap pembaca itu sampai kepada hakikat teks (M. McQuillan, 1999).

4.1 Sejarah Pembacaan – Makna

F. Vodicka (1982) seorang katalis teori ini mula membaca teks-teks sastera dengan memberi penekanan kepada karya sebagai pusat kekuatan sejarah sastera. Oleh yang demikian, menurut F. Vodicka, dalam menganalisis penerimaan sesuatu karya sastera ada beberapa perkara yang perlu ditekankan iaitu; pertama, rekonstruksi kaedah sastera dan kompleks anggapan tentang sastera pada suatu masa. Kedua, rekonstruksi sastera



suatu masa, misalnya mengenai kelompok karya yang biasanya menjadi objek penilaian yang ada ketika itu, dan lukisan tentang hierarki atau urutan nilai sastera pada sesuatu masa. Ketiga, tentang pemaknaan karya sastera, misalnya pemahaman tentang bentuk-bentuk sebuah karya, terhadap pengertian mengenai makna yang kritis. Keempat, konsep kefahaman tentang keluasan pengaruh dan kesan karya ke dalam lapangan sastera yang bukan sastera. F. Vodicka telah meletakkan asas yang kuat dalam teori resepsi ini yang menganggap teks hanya akan hidup setelah jatuh ke tangan pembaca, melakukan proses pemaknaan dan dalam proses itu semuanya bergantung kepada hubungan pembaca dengan tempat, waktu, latar sosial dan dengan karya yang dibacanya

Teori resepsi ini seterusnya dikembangkan oleh H.R Jauss (1982) dan W. Iser (1979). H.R. Jauss menumpukan perhatiannya kepada sesuatu karya yang diterima berdasarkan suatu horizon iaitu aspek penilaian dalam penerimaan yang tertentu. Baginya, hanya dengan partiisipasi aktif daripada pembaca, suatu karya sastera itu dapat hidup. Pembaca akan memberikan reaksi tertentu terhadap karya berdasarkan kepada strategi tekstualnya. Oleh yang demikian, proses penerimaan dapat dilihat sebagai perluasan dari proses semiotik yang timbul dalam pengembangan dan pemberian sesuatu sistem.

Bagi W. Iser (1998) menekankan perlunya mempelajari reaksi pembaca sebagai jawapan terhadap teks. Baginya, hubungan antara teks dan pembaca dapat dilihat dengan menggunakan tiga langkah iaitu; pertama, sketsa tentang kelainan sesuatu teks yang membezakannya dari teks-teks sebelumnya. Kedua, pengenalan dan penganalisisan kesan dari suatu teks dan ini mungkin akan memperlihatkan kepelbagaiannya atau ketidakpastian. Ketiga, sejak abad ke-18, teks-teks semakin memperlihatkan dirinya penuh dengan kepelbagaiannya dan ketidakpastian. Dengan keadaan ini, pembaca lebih bebas menggunakan kemungkinan yang ada pada dirinya sendiri setelah membaca sesuatu karya. W. Iser berbicara tentang kesan yang ada pada pembaca dalam membaca suatu karya yang memungkinkan membawanya kepada suatu pengalaman baharu. Pengalaman baharu ini akan menjadi lebih ketara apabila pembaca lebih menggunakan imaginasi mereka. Kesan kepada pembaca ini juga ditentukan oleh teks luar yang ada pada dirinya.

Pembaca biasanya telah sedia memiliki cara penilaian dalam pembacaan yang terbina daripada sejarah pembacaan tradisi atau kelaziman kepada dirinya. Kelaziman itu berbeza dalam menghadapi setiap genre sastera tetapi mempunyai kesamaan dalam membina maksud atau makna sesebuah teks. Oleh kerana setiap orang telah mempunyai tradisi, kelaziman dan konsep nilai yang berbeza mengikut pengalaman dan pendidikannya, maka cara natijah dan penerimaan seseorang itu juga berbeza. Menurut teori ini, sesuatu teks itu hanya akan memperolehi makna apabila ia sudah mempunyai hubungan dengan pembaca. Pendekatan ini memberikan kebebasan kepada pembaca untuk memberikan maknanya sendiri kepada sesuatu teks. Pembaca diberi kebebasan untuk memberi makna teks kerana dunia pembaca dan dunia penulis adalah berbeza (Manu Sikana, 2009).



4.2 Konsep Pembaca dan Khalayak

Membaca mempunyai dua proses pemahaman dan penginterpretasian. Menurut pandangan Umberto Eco (1976), pembaca harus mengalami dua proses semiosis dan semiotik, yang pertama memahami tentang sesuatu yang diujarkan dan yang kedua memahami sesuatu yang disiratkan oleh segala persilangan tanda yang terdapat dalam teks. Terdapat tiga tahap pembaca; pertama, bacaan untuk mencari sesuatu yang hendak disampaikan oleh teks, kedua, bacaan untuk menentukan maksud sebenarnya hasrat pengarang dan ketiga mencari penanda-penanda teks untuk sampai kepada keseluruhan makna sesebuah karya. Seandainya seseorang pembaca itu gagal untuk menentukan makna asli teks atau pengarang, ia berhak untuk menentukan untuk signifikasi-signifikasi yang difikirkannya munasabah sebagai makna karya.

4.3 Kaedah Bacaan dan Kritikan

Teori respon pembaca atau resepsi ini mempunyai beberapa kaedah pembacaan. Pertama, teori resepsi ini bertolak daripada satu pembicaraan sama ada penerimaan atau penolakan yang melihat fungsi dan hubungan antara karya dengan pembaca. Kemudian, meneliti reaksi pembaca terhadap makna-makna yang terkandung dalam teks. Setiap hasil karya sastera atau teks mengandungi fenomena makna dan pembaca yang akan mencari makna jawapan kepada fenomena tersebut. Kedua, terdapat dua perkara atau peringkat yang terjadi pada pengarang sewaktu dia membaca sesebuah karya iaitu cuba untuk melakukan pemaknaan dan cuba merekonstruksi karya tersebut.

Manu Sikana (2009) menjelaskan dalam imaginasi pembaca pula, terdapat sama ada pemaknaan atau rekonstruksi yang akan memberi dua kesan iaitu menerima. Tahap ini terdapat dua perkara yang berlaku iaitu, rekonstruksi terhadap karya sebelumnya dan menerima karya tersebut secara struktural. Kesan kedua pula ialah menolak iaitu pada tahap ini juga mempunyai dua perkara iaitu menolak kerana daif dan menolak kerana ada unsur-unsur parody (mengajuk) terhadap karya-karya yang berlainan.

Ketiga, dalam sesebuah teks mempunyai skema. Pengarang mempunyai skema tersendiri manakala imaginasi pembaca cuba mencari keakraban antara skema pembaca dan pengarangnya. Contohnya, untuk memahami sesuatu situasi dalam karya, pembaca akan menghubungi situasi dirinya dengan situasi teks tersebut. Apabila berlaku banyak persamaan, kemungkinan karya itu akan menarik perhatiannya. Dengan hal demikian, pembaca selalu ditarik rasa ingin membaca karya itu. Oleh hal yang demikian, dapatlah dikatakan bahawa sesebuah karya dengan pemiliknya adalah selari dari segi skemannya.

5.0 Biografi Ana Raffali

Ana Raffali atau nama sebenarnya Ana Nur Hidayah Mohd Raffali dilahirkan pada 4 November 1985 di Kuala Lumpur. Beliau merupakan graduan kelas pertama Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua dari Universiti Teknologi Mara (UiTM). Bermula dengan memperkenalkan lagu-lagu ciptaan sendiri di laman sosial "Youtube" sekadar



suka-suka telah menjadi titik permulaannya ke bidang seni. Karya beliau mendapat perhatian daripada komposer dan penulis lirik terkenal di Malaysia iaitu Aidit Alfian untuk lebih mengenali secara terperinci setiap karya yang dihasilkan oleh Ana Raffali dan bermula dari itulah, beliau diasuh oleh Aidit Alfian tentang selok belok dunia muzik.

Peminat muzik beraliran rock, alternatif dan klasik ini telah mencipta beberapa lagu antaranya ialah Hujan Bunga di Kuala Lumpur, Mekanika, Cuba Jangan, Ketika aku kecil, Ingatkan ku, Tingkap kaca, My darling, Ghost, Lovely lovely Scene dan Paint Me read.

Ana Raffali mempunyai keunikan tersendiri dalam lapangan bidang muzik tanah air dengan membawa imej dan genre muzik tersendiri. Mengenakan imej gadis Melayu sebagai identiti diri, Ana Raffali mengakui selesa dengan penampilannya, malah semenjak di kampus lagi, setiap kali mengadakan persembahan, beliau sering mengenakan busana tradisi seperti baju kurung dan baju kebaya. Kemuncak populariti Ana Raffali setelah menjadi juara dalam Anugerah Juara Lagu ke-25 pada tahun 2011 melalui lagu ciptaan sepenuhnya oleh beliau iaitu Tolong Ingatkan Aku. Namun kemenangan tersebut mendapat pelbagai persepsi negatif dan tohmannan ekoran ketidakpuasan hati sesetengah pihak yang mempertikaikan akan kualiti dan kemenangan karya tersebut. Mendasari fenomena tersebut, kajian ini akan merungkaikan tentang keutuhan karya tersebut dengan mengaplikasikan teori resepsi sebagai kayu pengukuran analisis.

6.0 Dapatan dan Perbincangan

Analisis perbincangan memfokus kepada lirik lagu juara lagu Anugerah Juara Lagu ke-25 iaitu *Tolong Ingatkan Aku* yang disampaikan oleh Ana Raffali yang juga merupakan penulis lirik dan komposer bagi lagu tersebut. Penelitian perbincangan akan diperkuuhkan dengan menggunakan sandaran dari teori resepsi bagi merungkaikan setiap bait lirik lagu tersebut sehingga dijulang sebagai juara lagu dalam anugerah hiburan berprestij.

6.1 Pengalaman Peribadi Perintis Penciptaan Karya

Lagu *Tolong Ingatkan Aku* yang ditulis, digubah dan dinyanyikan sendiri oleh Ana Raffali merupakan sebuah karya yang tercetus melalui idea spontan dan bersahaja dengan menjadikan arwah kakaknya sebagai ikon dalam penghasilan karya tersebut. Menurut Ana Raffali, penghasilan lagu tersebut mengikut rasa hati dan dekat dengan kehidupannya. Karya ini adalah sebuah lagu yang memperihalkan tentang pengorbanan dan kasih sayang antara insan yang sarat dengan unsur nasihat dan pedoman. Meskipun lirik lagu ini menampakkan bahasa yang mudah difahami dan berbentuk konvesional, tetapi dari sudut makna implisitnya pengkarya cuba menyampaikan pemahaman tentang menghargai erti sebuah kasih sayang sesama insan. Kenyataan itu dapat dijelaskan berdasarkan petikan tersebut:

"Lagu ini saya hasilkan mengikut rasa sedap hati dan dekat dengan kehidupan kita. Peringatan agar kita menghargai orang yang kita sayang sebelum kehilangannya. Lumrah kehidupan kadang kala kita tidak sedar kita takmenghargai orang yang kita sayang semasa ada bersama kita," katanya yang berterima kasih kepada juri kerana



menilai lagu tersebut sebagai yang terbaik. (<https://www.sislin76.com/2011/01/ana-raffali-saya-tak-kecewa-kemenangan.html>).

Kenyataan tersebut jelas menyatakan bahawa sesebuah karya yang dihasilkan sebenarnya dipengaruhi oleh faktor kehidupan, alam sekeliling dan pengalaman hidup pengkarya itu sendiri. Menurut Ingarden (1975), sesebuah karya sastera itu terdiri dari sesuatu perkara yang tidak pasti atau mempunyai pelbagai kemungkinan. Peristiwa dan kemungkinan ini terdiri dari hubungan estetik yang melalui konkretisasi serta rekonstruksi oleh pembacanya sehingga menerbitkan sesuatu nilai keindahan. Perkara ini turut diakui oleh penggiat sastera terkemuka di Malaysia iaitu Azizi Haji Abdullah (2007) yang mengatakan pancaindera dan pengalaman merupakan satu-satunya unsur yang cukup penting bagi tercetusnya idea, desakan mahupun ransangan. Secara jelas, Ana Raffali menjadikan fasa pengalaman lalu sebagai luahan anekdot dalam penciptaan karyanya kepada khalayak. Perkara ini mampu merungkai ketidakpastian pandangan dalam sesuatu karya sastera melalui proses rekonstruksi karya tersebut.

6.2 Unsur Ambiguiti

Stanley Fish (1972) mengaitkan proses pandangan khalayak untuk memahami sesuatu karya berdasarkan unsur linguistik dan pengucapannya. Bersandarkan penelitian terhadap lirik *Tolong Ingatkan Aku*, unsur samaran atau ambiguiti makna sememangnya diperjelaskan Ana Raffali dalam penyampaianya. Ambiguiti bermaksud kesamaran atau ketidaktentuan yang memungkinkan dua tafsiran terhadap sesuatu perkara (Rahman Shaari, 2002). Karya Ana Raffali banyak menggunakan ambiguiti atau perlambangan yang sukar ditafsir oleh akal biasa yang malas meneroka. Ana Raffali menggunakan beberapa pendekatan bagi mempamerkan unsur ambiguiti dalam penghasilan lirik lagu *Tolong Ingatkan Aku* iaitu melalui tema dan persoalan yang digarap dengan penuh perlambangan. Sebagai contoh pada rangkap keempat, pengkarya menggunakan unsur personifikasi sebagai lambang penyampaian maksud:

Tolong ingatkan aku
Kisah kau tersedar
Dengan saku penyeluk masa
Kau dampingi aku
Setiap detik jantungku berdetak
Setiap nota jiwaku berlagu-lagu

(*Tolong Ingatkan Aku* – Ana Raffali)



Merujuk petikan di atas pada baris terakhir iaitu ‘setiap nota jiwaku berlagu-lagu’ jelas menunjukkan penggunaan unsur personifikasi iaitu tindakan pengarang memberikan sifat manusia, sama ada dari segi perasaan, perwatakan atau tindak-tanduk kepada benda-benda mati, binatang, idea, atau hal-hal yang lebih abstrak. Menerusi teks sastera Melayu lama sering dijumpai cerita yang terselit selingan tentang binatang dan alam yang tidak bernyawa dizahirkan berkelakuan, bercakap dan bertindak seperti manusia yang dijadikan sebagai kiasan ibarat. Ia juga disebut sebagai kiasan kemanusiaan. Perkara yang ingin diketengahkan di sini adalah cara penyampaian maksud itu diselit dengan unsur ayat yang tersirat makna agar khalayak pembaca berfikir tentang sesuatu penyampaian pengkarya itu.

6.3 Teknik Imbas Kembali

F.Vodicka (1982), menyatakan membaca teks sastera harus diberikan penekanan terhadap karya sebagai pusat kekuatan sejarah sastera. Oleh yang demikian, menurut Vodicka, proses menganalisis penerimaan sesuatu karya sastera, mempunyai beberapa perkara yang wajar diberi penekanan iaitu rekonstruksi kaedah sastera dan kompleks tanggapan tentang sastera pada sesuatu masa. Selain itu, pemahaman tentang konkretisasi karya sastera adalah dengan memahami tentang bentuk sesebuah karya dan proses menjelaskan sesuatu makna yang dilontarkan ketika proses penghasilan karya itu berlaku. Lirik Tolong Ingatkan Aku diperagakan dalam teknik imbas kembali iaitu merupakan suatu teknik pengkarya mengenang semula peristiwa yang pernah dialaminya. Pada kebiasaananya teknik imbas kembali ini begitu popular digunakan oleh kebanyakan pengkarya sama ada dalam penulisan cerpen, novel maupun lirik lagu. Ana Raffali juga mengakui akan perihal penghasilan lirik lagu *Tolong Ingatkan Aku* dengan merujuk kepada kenangan terhadap arwah kakaknya.

... Menyambung perbualan, jelas pemilik nama sebenar Ana Nur Hidayah Mohd. Raffali ini, lagu tersebut turut dicipta khas buat arwah kakaknya yang meninggal dunia pada 9 Januari 200.

"Hari ini genap lapan tahun arwah kakak saya meninggal dunia. Lagu ini saya buat sebagai satu ingatan buat dirinya. Lagu ini amat bermakna buat saya," luahnya tenang.

(<https://www.sislin76.com/2011/01/ana-raffali-saya-tak-kecewa-kemenangan.html>)

Berdasarkan petikan tersebut dapat dinyatakan bahawa alam sekeliling dan pengalaman sebenarnya memberi pengaruh yang besar dalam mengarapkan sesebuah karya. Seperti Ana Raffali juga, menjadikan arwah kakaknya sebagai ikon dalam menerbitkan aksara bagi menghasilkan karya kreatif. Jika ditelusuri pada bait-bait kata dalam lirik lagu *Tolong Ingatkan Aku*, setiap kata yang digarap mencerminkan identiti dan makna yang tersendiri. Sebagai contoh pada rangkap pertama yang menyatakan;



Jangan disusun kata-kata penamat

Jangan disebut baris ayat keramat

Biar lenyap diserap sunyi

Biar senyap yang tak menyepi

Tolong ingatkan aku

Kisah kau tersedar

Dengan saku penyeluk masa

(*Tolong Ingatkan Aku* – Ana Raffali)

Merujuk petikan tersebut dapat digambarkan bahawa pengkarya cuba mengadaptasikan segala ayat berbentuk nasihat atau pesanan ke dalam bentuk yang mudah diingati dengan menjadikannya sebagai sebuah alunan lagu. Secara luarannya penyampaian rangkap tersebut mengandungi mesej yang menyeru agar menghargai orang yang disayangi sebelum kehilangannya. Jika dinilai dari sudut teori resepsi, golongan pembaca dan penilai karya dibahagikan kepada dua iaitu ‘pembaca biasa’ dan ‘pembaca ideal’. Pembaca ideal dibahagikan kepada dua iaitu pembaca yang implisit dan pembaca eksplisit (Umar Yunus, 1985). Pembaca biasa adalah pembaca dalam erti sebenarnya yang membaca sesuatu karya sebagai karya sastera dan bukan sebagai bahan penelitian. Pembaca ideal pula dikatakan sebagai pembaca yang berpengetahuan kerana pembaca tersebut dianggap sebagai pemakai bahasa yang menguasai segala aspek perbahasaan yang digunakan dalam karya yang dibaca.

Berdasarkan kenyataan tersebut, kajian ini telah meletakkan pengkaji dari sudut pembaca ideal yang melihat sesebuah karya melalui tingkat apresiasi yang bermula dari tingkat penikmatan iaitu bersifat penonton, merasakan senang sifatnya sama dengan perasaan senang disaat dipuji atau menerima pemberian yang tidak di duga, sehingga kepada tingkat implikasi iaitu bersifat makrifat, memperoleh daya tepat guna, dan berobjektif sehingga mengambil tindakan operasi dengan menggunakan hasil apresiasi dalam mencapai nilai material, moral, mahupun spiritual untuk kepentingan sosial, politik dan budaya (Mana Sikana, 2009).

6.4 *Tolong Ingatkan Aku* Dari Aspek Semiotik

Menurut Mana Sikana (2009), dalam teori semiotik, kajian perlambangan dapat diklasifikasikan kepada tiga iaitu ikon, indeks dan simbol. Ikonik ialah tanda yang merujuk terus kepada objek yang digambarkan atau yang dibawa oleh objek dengan subjek. Indeks pula merujuk kepada sesuatu tanda yang mengumpulkan satu atau beberapa fenomena, sebab-musabab, simptom isyarat dan ikatan, manakala simbol adalah penjelasan lambang-lambang yang merujuk kepada objek asal dengan satu kawalan



undang-undang khusus. Simbol juga merujuk kepada sebuah tanda yang dibawa oleh penanda dengan memberi petanda (erti, makna atau konsep) yang mewakili sesuatu.

Ikonik menurut Charles. S. Peirce (1991) adalah lambang dinamik, utama dan dekat dengan masyarakat. Hubungan antara penanda dengan petanda adalah saling berikan dan saling lengkap melengkapi. Terdapat beberapa pecahan ikonik seperti imej, citra, diagram, simile dan metafora. Begitu juga pandangan tokoh dalam teori resensi iaitu, Michael Riffaterre (1978) yang menjelaskan bahawa analisis stilistik adalah proses merekonstruksikan kesan gaya sesuatu karya khususnya puisi pada masa penciptaan dan memperbaikinya berdasarkan reaksi pembaca moden. Penerimaan aspek stilistik dipengaruhi oleh aspek pengaplikasian dan penerokaan pengarang dalam wacana dan retoriknya. Berdasarkan tulisan pengarang itu, ia akan memberi keinginan dan godaan kepada pembaca untuk menekuni teks yang berhasil terhadap keindahan bahasanya. *Tolong Ingatkan Aku* sebagai teks penerokaan analisis dikesani Ana Raffali menggunakan lambang ikonik dalam penghasilan lirik. Teknik sebegini memainkan peranan penting sebagai platform estetika bahasa di samping mendikotomikan lirik lagu ini dengan karya lirik lagu dari pengkarya lain. Perkara ini dapat dilihat menerusi contoh seperti berikut.

Tolong ingatkan aku

Kisah kau tersedar

Dengan **saku** penyeluk masa

(*Tolong Ingatkan Aku* – Ana Raffali)

Merujuk petikan tersebut pada baris ketiga, pengkarya cuba menghasilkan lirik dalam penyampaian berbentuk metafora. Metafora yang bermaksud bahasa kiasan yang menyatakan sesuatu dengan menyebut sesuatu yang lain. Selain itu, ia juga bermaksud perbandingan secara terus atau langsung tanpa menggunakan kata-kata seperti bak, umpama dan ibarat (Henry Guntur Tarigan, 1985). Contohnya: *samudera hampa, lautan fikiran*. Tetapi metafora tidak terikat lagi dengan makna dua lapis dan tidak pula memerlukan pengutaraan perkara yang dijadikan perbandingan. Perkataan ‘saku penyeluk masa’ dianggap sebagai lambang ikonik berbentuk metafora, iaitu pengkarya menyatakan sesuatu perkara secara tersirat melalui mainan bahasa. Pada maksud baris ketiga itu, perkataan ‘saku’ telah digabungkan dengan kata ‘penyeluk masa’ sebagai wadah untuk menyatakan makna tertentu yang berkaitan tafsiran makna dengan struktur permukaan. Saku yang bermaksud kocek, poket dan permukaan kecil bahagian seluar yang digunakan untuk menyimpan dompet atau barang kecil, membawa maksud yang mendalam dalam penggabungan kata penyeluk masa. Di sini pengkarya seolah-olah ingin menyatakan bahawa masa itu terlalu berharga dan menjadi satu keperluan dalam kehidupan. Baris rangkap tersebut juga dapat ditafsirkan bahawa pengkarya berpesan kepada dirinya sendiri agar tidak alpa pada perjalanan waktu yang berlangsung, di samping sebagai peringatan kapadanya bahawa masa merupakan saku yang menjadi keperluan terpenting dalam kehidupan kerana sifat saku itu sendiri sering dekat dengan diri manusia yang dikaitkan sebagai rezeki.



Berdasarkan keterangan tersebut dapat dinyatakan bahawa, tingkat apresiasi seseorang pembaca atau pendengar adalah berbeza dan mengikut persepsi tersendiri iaitu bermula dengan tingkat penikmatan, penghargaan, pemahaman, penghayatan dan tingkat implikasi. Dalam teori resepsi terdapat dua kelompok tanggapan pembaca atau pendengar iaitu tanggapan pasif dan aktif. Tanggapan pasif adalah cara seorang pembaca dapat memahami karya itu atau dapat melihat hakikat estetika yang ada di dalamnya. Sifat aktif pula bermaksud kaedah pembaca merealisasikan pembacaannya sehingga menjelaskan makna. Oleh itu, teori resepsi merupakan cara dan teknik membaca, meneliti respon dan reaksi pembaca dan akhirnya pembaca itu mampu membentuk maknanya yang tersendiri. Oleh itu, kajian secara jelas meneliti kefahaman secara tersirat terhadap teknik penyampaian makna yang dihasilkan dalam lirik lagu tersebut.

6.4 Penerokaan Gaya Bahasa Dalam Tolong Ingatkan Aku

Gaya bahasa, bermaksud cara atau ragam bahasa itu dipakai, khususnya dalam tulisan. Penggunaan bahasa mempunyai pelbagai jenis untuk tujuan khusus dan mempunyai gaya yang tertentu. Gaya bahasa sastera, merupakan gaya yang khusus digunakan untuk kesusasteraan yang tidak sama dengan gaya penulisan lain lain. Kesusasteraan merupakan kesenian menggunakan bahasa sebagai alat seni yang mengandungi nilai estetik, iaitu nilai yang dapat membangkitkan perasaan tatkala diluah atau ditulis. Ia tidak sahaja menyampaikan idea dan maklumat tetapi menimbulkan rasa keharuan, merangsangkan daya fikir dan akal. Kehadiran nilai estetik itu menjadikan bahasa sastera mempunyai gaya yang tersendiri.

Penggunaan bahasa dalam semua bidang mempamerkan variasi gaya yang tertentu. Begitu juga dalam bidang seni yang berfokus kepada lirik lagu turut menghasilkan langgam yang tersendiri. Meskipun pada umumnya gaya bahasa sastera sering menyeleweng dari skop tatabahasa, namun penyelewengan manipulasi kebahasaan itu bertujuan menimbulkan rasa khusus yang mengandungi nilai estetik. Manipulasi bahasa itu merangkumi pemilihan kata, struktur sintaksis, pemakaian dan pemilihan bahasa figuratif, ungkapan, peribahasa, kiasan, sindiran serta unsur-unsur stilistik yang lain (Manu Sikana, 2009). Berdasarkan lirik lagu *Tolong Ingatkan Aku*, kajian ini turut memberi pemfokusan terhadap aspek penggunaan gaya bahasa dalam penghasilan lirik lagu tersebut.

6.4.1 Gaya Anafora

Gaya pengulangan sering ditemukan dalam pertuturan dan penulisan. Gaya ini bukan sahaja menimbulkan keindahan dan daya tarikan, tetapi dapat menegaskan maksud. Daripada sudut penutur yang mahu menghafal sesbuah puisi, perulangan memudahkannya mengingati puisi itu. Oleh kerana itu pengamal perubatan alternatif seperti bomoh dan dukun sering juga menggunakan gaya sebegini (Keris Mas, 1988).

Henry Guntur Taringan (1985) menyatakan gaya perulangan terdiri daripada beberapa jenis seperti gaya *anafora*, *epifora*, *simplok*, *responsi*, *homoioteleton*,



woordopname dan *paralelisme*. Namun, melalui lirik lagu *Tolong Ingatkan Aku*, dikesani gaya anafora iaitu pengulangan perkataan pada awal baris kerap dihasilkan dalam beberapa rangkap. Contoh teks seperti berikut:

Jangan disusun kata-kata penamat

Jangan disebut baris ayat keramat

Biar lenyap diserap sunyi

Biar senyap yang tak menyepi

Mari patahkan papan markah lama

Mari padamkan buku tiga lima

Biar luka sembah sendiri

Biar lupa ditembus hari

Tolong ingatkan aku

Kisah kau tersedar

Dengan saku penyeluk masa

Kau dampingi aku

Setiap detik jantungku berdetak

Setiap nota jiwaku berlagu-lagu

(*Tolong Ingatkan Aku* – Ana Raffali)

Jika diperhatikan pada petikan tersebut jelas menunjukkan penggunaan unsur anafora pada rangkap pertama, kedua dan ketiga. Kata ‘Biar’ mendominasi pada rangkap pertama dan rangkap kedua dengan diikuti kata ‘Jangan’, ‘Mari’ dan ‘Setiap’ yang turut dizahirkan melalui baris-baris rangkap lirik tersebut. Menerusi lirik tersebut, dapat dinyatakan bahawa pengkarya cuba mewujudkan teknik penulisan seperti sebuah puisi, iaitu pengulangan kata yang agak sinonim pada baris hadapan. Berdasarkan gaya anafora itu seolah-olah menyatakan penegasan pengkarya terhadap setiap ayat yang dihasilkan di samping berkemungkinan memberi penekanan maksud tersirat dalam setiap baris ayat yang disampaikan secara halus dan puitis.

6.4.2 Gaya Gaya Asonansi

Asonansi bermaksud perulangan bunyi vokal dalam dua atau lebih daripada dua



suku kata. Istilah ini selalu digunakan dalam pembicaraan puisi ataupun prosa lirik. Dalam karya prosa biasa, perulangan bunyi vokal selalunya tidak menarik minat pembaca. Perulangan tersebut merupakan perkara biasa dalam prosa kerana kata-kata memang terbina daripada beberapa bunyi vokal dan sejumlah konsonan (Rahman Shaari, 1993).

Gaya asonansi sememangnya banyak digunakan dalam penulisan sastera klasik terutamannya dalam sastera hikayat. Bersandarkan lirik lagu *Tolong Ingatkan Aku*, Ana Raffali turut mengaplikasikan idea penggunaan gaya bahasa asonansi dalam karya ini. Diturunkan teks sebagai menerangkan hujah:

Jangan disusun kata-kata penamat

Jangan disebut baris ayat keramat

Biar lenyap diserap sunyi

Biar senyap yang tak menyepi

Mari patahkan papan markah lama

Mari padamkan buku tiga lima

Biar luka sembah sendiri

Biar lupa ditembus hari

(*Tolong Ingatkan Aku* – Ana Raffali)

Merujuk petikan teks tersebut, vokal ‘a’ menguasai keseluruhan baris di atas. Pembaca akan berasa demikian bukan semata-mata kerana kita tertarik pada bunyi ‘a’ itu, tetapi lebih-lebih lagi kerana pembaca terdorong untuk menghayati perasaan dan maknanya. Daripada contoh di atas, dapat disimpulkan bahawa unsur asonansi kadang-kala tidak mendatang sebarang pengertian, tetapi ia memberi kesan pada pengucapan. Dalam hal ini, aspek makna dan perasaan harus diambil kira. Pernyataan tersebut dapat menjelaskan hakikat sastera iaitu aspek kesusteraan mesti berpadu dengan makna untuk membina kesatuan kerana mencerminkan sesebuah karya akan menarik dan

7.0 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa teori respons pembaca atau resepsi mengemukakan cara-cara pembaca mengapresiasi dan menikmati karya sastera sebagai suatu proses dan strategi bacaan untuk memahami dan membentuk makna tersendiri. Makna tersebut akan berhasil dalam pelbagai persepsi atau variasi mengikut pendidikan, pengalaman atau



fahaman seseorang pembaca. Teori resepsi atau respon pembaca ini, mempunyai tempat yang istimewa di hati khalayak sastera, di samping untuk memberi mereka pandangan dan cara menikmati karya sastera. Teori ini relevan untuk meneliti penerimaan dalam dunia seni yang lain dan aspek estetika serta mutu yang harus dipertahankan.

Teori resepsi yang juga dijelaskan mempunyai pelbagai teori di dalamnya tidak hanya terikat kepada sesuatu bentuk yang digariskan sebagai landasan kajian. Kepelbagaiannya teori dan konsep yang digunakan dalam analisis lirik lagu *Tolong Ingatkan Aku* karya Ana Raffali ini, secara tidak langsung dapat memperlihatkan daptan hasil kajian yang pelbagai menerusi disiplin ilmu tertentu. Kebebasan yang diberikan dalam penggunaan teori resepsi ini tidak sama sekali mengabaikan aspek tekstualitinya dalam beberapa hal sebagai sebuah karya sastera yang mempunyai unsur keindahan yang harus dipertahankan. Teori resepsi adalah milik khalayak dan khalayak harus melestari serta menghormati dari setiap persepsi yang diusulkan.

Rujukan

- Adha, T. L. (2017). Analisis Stilistika Lirik Lagu-Lagu Padi. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Khatulistiwa*, 6(6). Indonesia: Fakulti Pendidikan dan Latihan Guru, Universiti Tanjungpura.
- Amirah Amaly Syafaat. (2011). Ana Raffali Belum Bertaraf Diva. *Pancaindera*, 16 Januari: 6.
- Ash-shidiqy, H. (2016). Citra Perempuan Dalam Lagu-Lagu Dangdut: Analisa Feminisme Dalam Budaya Populer. *Al-Tsaqafa: Jurnal Ilmiah Peradaban Islam*, 13(01), 135-144. Bandung: Fakultas Adab dan Humaniora.
- Azizi Haji Abdullah. (2007). *Kuras-Kuras Kreatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- BERNAMA. (2011). Ana Raffali Ikon Program Jabatan Muzium. *Utusan Malaysia*. 14 Januari: 3.
- Eco, U. (1976). *A Theory of Semiotics* (Vol. 217). Indiana University Press.
- Faridah Shalla Mahmud & Rozdan Mazalan. (2011). Kenapa Ana Raffali? Kemenangan *Tolong Ingatkan Aku* Seolah-Olah Sudah Menjadi Isu Besar Kepada AJL25. *Berita Harian Hip*. 11 Januari: 10.
- Fish, Stanley. (1980). *Is There a Text in This Class? The Authority of Interpretation Communities*. London: Harvard University Press.
- Imam, A. F. (2012). Analisis Wacana Van Dijk Pada Lirik Lagu Irgaa Tani (My Heart Will Go On). *Lisanul'Arab: Journal of Arabic Learning and Teaching*, 1(1). Doi: <Https://Doi.Org/10.15294/La.V1i1.1504>.
- Ingarden, R. (1975). Phenomenological aesthetics: An attempt at defining its range. *The Journal of Aesthetics and Art Criticism*, 33(3), 257-269. United States: Wiley on behalf of The



American Society for Aesthetics.

Iser, W. (1979). The act of reading: A theory of aesthetic response. *Journal of Aesthetics and Art Criticism* 38 (1):88-91. United States: Willey Blacwell.

Jauss, H. R., & De Man, P. (1982). *Toward an Aesthetic of Reception*.Minneapolis: University of Minnesota Press.

Keris Mas. (1988). *Perbincangan Gaya Bahasa Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Laily Nur Affini. (2017). Analisis Kata Tabu dan Klasifikasinya di Lirik Lagu Eminem pada Album *The Marshal Mathers LP*. *Lensa: KajianKebahasaan, Kesusastraan dan Budaya*. Vol.7 No.1. Indonesia: Fakulty of Foreign Language and Culture, Universitas Muhammadiyah Semarang.

Manu Sikana. (2009). *Teori Sastera Kontemporari*. Selangor: Pustaka Karya.

Mael, M. R. (2016). Analisis Lirik Lagu "Honjitsu Wa Seiten Nari"-Tinjauan dalam Fonologi dan Morfologi Bahasa Jepang. *Jurnal ASA*, Vol.3. Surabaya: Universitas Negeri Surabaya.

Mohd Faradi & Hamdan Rahman. (2017). *Dialog Kajian Melayu Kontemporari 'Rasa Fenomenologi Dalam Multidimensi Lirik Lagu Sharifah Aini'*. Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.

Mohd Sidik Mohd Soleh. (2011). Terbit Lagu Juara AJL25 Untuk Kakak. *Utusan Melayu*. 17 Januari: 17.

Mcquillan. M. (1999). *Post-Theory New Directions in Criticism*. United States: Willey Blacwell.

Normaliza Abd Rahim, Siti Nur Aliaa Roslan dan Nur Maisarah Roslan. (2017). Konflik Emosi dalam Lirik Lagu 'Nipah oh Nipah'. *MAHAWANGSA (Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu)*. Vol. 4 (1). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Padmopusito, A. (1993). Teori Resepsi dan Penerapannya. *Diksi*, 2(1). Yogyakarta: Universitas Negeri Yogyakarta.

Peirce, C. S. (1991). *Peirce On Signs: Writings On Semiotic*. UNC Press Books.

Pratiwi, A. T. (2019). Jenis dan Fungsi Gaya Bahasa Kiasan Pada Lirik Lagu Band Naif dan Payung Teduh. *Sintesis*, 12(2), 107-117. Yogyakarta: Universitas Sanata Dharma.

Rahman Shaari. (1993). *Memahami Gaya Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rahman Shaari. (2001). *Bimbingan Istilah Sastera*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn Bhd.

Riffaterre, Michael. (1978). *Semiotics of Poetry*. London: Blackwell.

Rinaldi, R., Tamsin, A. C., & Zulfadhl, Z. (2012). Gaya Bahasa Lirik Lagu Band Betrayer Album The Best Of. *Pendidikan Bahasa Indonesia*, 1(1), 214-221. Padang: Universitas Negeri Padang.



Sahlan Mohd. Saman. (2005). *Persuratan Melayu Tradisional ke Modern*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Shazryn Mohd. Faizal. (2011). AJL25 Milik Ana Raffali. *Utusan Malaysia*. 10 Januari: 13.

Tarigan, H. G. (1985). *Pengajaran Gaya Bahasa*. Indonesia: Angkasa

Umar Yunus. (1985). *Resepsi Sastra*. Jakarta: P.T Gramedia

Vodicka, F. (1982). *The Literary Historical Study of the Echo of Literary Works*. The Prague School: Selected writings, 1929–1946, 103-34.

Wahid, A. N., & Saddhono, K. (2017). Ajaran moral dalam lirik lagu dolanan anak. *MUDRA Jurnal Seni Budaya*, 32(2). Indonesia: Institut Seni Indonesia Denpasar. Doi: <https://doi.org/10.31091/mudra.v32i2.107>.

Wiradharma, G., & WS, A. T. (2016). Metafora dalam Lirik Lagu Dangdut: Kajian Semantik Kognitif. *Arkhais-Jurnal Ilmu Bahasa Dan Sastra Indonesia*, 7(1), 5-14.: Fakultas Bahasa dan Seni, Universitas Negeri Jakarta. Doi: <Https://Doi.Org/10.21009/Arkhais.071>.

